



NAMA:

KELAS:

MODUL PINTAS
PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2024
PERNIAGAAN TINGKATAN 5
Kertas 2

3766/2

2 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Jawab lima soalan daripada bahagian A, dua soalan daripada bahagian B dan satu soalan wajib dibahagian C.
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang disediakan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

SOALAN	MARKAH
BAHAGIAN A	
1	
2	
3	
4	
5	
6	
JUMLAH	
BAHAGIAN B	
7	
8	
9	
JUMLAH	
BAHAGIAN C	
10	
JUMLAH	


Kertas soalan ini mengandungi 23 halaman bercetak.

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

- 1 (a) Rajah 1 berikut berkaitan dengan ciri-ciri Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT).



Rajah 1

Terangkan ciri P dan Q.

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.


Puan Chan merupakan pengusaha kerepek di Banting, Selangor. Beliau mempunyai pekerja tetap seramai 30 orang dan jumlah jualan tahunan sebanyak RM 500 000.

Huraikan sektor dan saiz perniagaan tersebut.

[6 markah]

- 2 (a) Jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah inflasi. [4 markah]

- (b) Rajah 2 berkaitan dengan ciri-ciri objektif sesebuah syarikat.



Rajah 2

Terangkan ciri objektif X, Y dan Z.

[6 markah]


3 (a) Jelaskan tujuan bahagian fungsian kewangan.

[4 markah]

(b) Terangkan peranan bahagian fungsian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

[6 markah]

4. Rajah 3 di bawah menunjukkan sejenis struktur organisasi.




Rajah 3

- (a) Jelaskan jenis struktur organisasi tersebut.

[4 markah]

- (b) Gambar 1 menunjukkan sejenis sumber dalam perniagaan.



Gambar 1

Bagaimanakah perniagaan menguruskan sumber tersebut ? [6 markah]

5. (a) Maklumat di bawah berkaitan perniagaan Fashion By Dinda.

Untung Bersih : RM 35 870

Modal Awal : RM 249 000

Hitungkan peratus pulangan atas modal perniagaan tersebut? [4 markah]

- (b) Bezakan aset semasa dan aset bukan semasa. [6 markah]

6. (a) Gambar 2 menunjukkan sejenis dokumen perniagaan.



Dokumen X

Tarikh : 22 Julai 2023

Peringatan :

Pemilik telah mengeluarkan barang niaga bernilai RM 100 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja) untuk kegunaan peribadi.

Syila
Pengurus

Gambar 2

- i. Apakah dokumen X? [1 markah]

- ii. Jelaskan kegunaan dokumen di 6 (a) (i) [3 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.

Celine ingin membuka perniagaan atas nama Celly Bakery Sdn Bhd. Beliau perlu mendaftar perniagaannya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Bagaimanakah prosedur pendaftaran yang perlu dilakukan oleh Celine?

[6 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis bentuk pemilikan perniagaan.

Kedai Makan Bonda menjalankan perkhidmatan katering sejak tahun 2010. Sejak kebelakangan ini perniagaan kurang mendapat sambutan kerana pernah mendapat kecaman daripada pelanggan. Pemilik Kedai Makan Bonda berhasrat untuk mempelawa sahabatnya pemilik Restoran Ayahanda menyertai perniagaannya. Kaedah promosi akan dilaksanakan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kedai Makan Bonda sementara menanti keputusan yang akan dibuat oleh sahabatnya.

- (a) Jelaskan kelebihan bentuk perniagaan Kedai Makan Bonda. [4 markah]
- (b) Adakah anda bersetuju dengan hasrat Kedai Makan Bonda? Berikan alasan. [6 markah]
- (c) Bagaimanakah kaedah promosi yang boleh dilaksanakan oleh Kedai Makan Bonda bagi meningkatkan lagi perniagaannya. [5 markah]

8. Keratan akhbar di bawah berkaitan dengan seorang usahawan.

Anne dinobat Ikon Usahawan Muda

SERDANG: Pernah mengalami kerugian dan diisytiharkan bankrap tidak mematahkan semangat pengusaha bakeri untuk terus menggapai kejayaan dalam perniagaan itu sehingga dinobatkan sebagai Usahawan Muda.

Berkat semangat gigihnya yang tidak pernah berputus asa, Pengasas My Mum's Bakery, Anne Idris, 35, dinobatkan sebagai Ikon Usahawan Muda pada majlis Anugerah Ikon Usahawan Wanita 2019.

Bermula daripada kedai menjual kek pada 2016, perniagaan saya jatuh dan terpaksa berpindah ke rumah sehingga ke pasar tani sekitar Shah Alam.

Sementara itu, Mohd Redzuan, berkata anugerah itu diwujudkan sebagai pengiktirafan kepada usahawan wanita cemerlang untuk berdepan cabaran pasaran domestik dan global.

Sumber : BH Online

- (a) Terangkan ciri-ciri keperibadian usahawan yang dimiliki oleh Anne. [6 markah]
- (b) Jelaskan agensi yang dapat membantu Anne meneroka pasaran antarabangsa. [4 markah]
- (c) Jelaskan kesan pengiktirafan yang diterima oleh Anne dalam aspek pengelolaan sumber manusia. [5 markah]

9. Maklumat berikut berkaitan penyata kewangan Syarikat El'Makmur Sdn Berhad pembekal buar kurma daripada luar negara.

Butiran	Tahun	
	2022	2023
Aset Semasa	22 500	30 500
Liabiliti Semasa	16 000	14 200
Kadar Pusing Ganti Stok	4 kali	3.5 kali

- (a) Hitungkan nisbah kecairan pada tahun 2022 dan tahun 2023 ? [5 markah]
- (b) Anda bersetuju bahawa kadar pusing ganti stok syarikat pada tahun 2022 adalah lebih cekap. Kemukakan alasan anda. [5 markah]
- (c) Cadangkan tindakan yang akan diambil oleh Syarikat El'Makmur Sdn Berhad untuk memperbaiki prestasi yang rendah bagi nisbah kecairan. [5 markah]



BAHAGIAN C
[20 markah]
Soalan ini **wajib** dijawab

- 10 Afida dan Azman, pasangan suami isteri telah mengusahakan perniagaan kosmetik Alfa Alza Cosmetic secara dalam talian. Pada awalnya perniagaan Alfa Alza Cosmetic berjalan dengan lancar dan mendapat keuntungan yang tinggi. Setelah menjalankan perniagaan selama beberapa tahun mereka mendapati hasil keuntungan perniagaannya seperti berikut:

Butiran	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
Untung Bersih	80000	60000	54000	48000
Aset Semasa	75000	50000	43000	38000
Liabiliti Semasa	30000	25000	22000	21000

Rungutan daripada pelanggan yang menggunakan produk Alfa Alza Cosmetic semakin tersebar melalui 'youtube' di mana pelanggan mempertikaikan kualiti produk yang dijual belum lagi mendapat kelulusan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ini amat merisaukan Afida dan Azman sekiranya berita ini terus tersebar. Oleh itu, pihak Alfa Alza Cosmetic perlu tampil untuk menepis dakwaan tersebut.

Alfa Alza Cosmetic telah mendapati bahawa dalam usaha meningkatkan jualan produk penggunaan aplikasi teknologi malar amat diperlukan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat terkini. Pihak perniagaan telah melantik seorang pegawai yang berkemahiran untuk membantu menyelesaikan masalah berkaitan aplikasi yang perlu disediakan.

Mereka juga bercadang untuk membuat pinjaman dengan agensi kerajaan untuk menambah baik produk setelah mendapat permintaan yang tinggi kebelakangan ini. Maklumat di bawah diperolehi daripada risalah yang didapati daripada dua agensi berikut:

Agensi I 	Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) • Untuk syarikat 100% milik Bumiputera • Beroperasi selama tidak kurang dari tiga (3) tahun dan tanpa rekod kerugian yang dicatatkan dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir • Sehingga RM3.0 juta bagi permohonan kali pertama dan sehingga RM5.0 juta bagi permohonan berikutnya. • Maksimum lima (5) tahun atau tempoh masa kontrak atau jangka masa pembiayaan, yang mana lebih awal.
Agensi II 	• Menawarkan Margin Pinjaman sehingga 80% • Tempoh gadaian selama 10 bulan • Mendapat pinjaman sehingga RM 75000 bagi setiap transaksi • Manakala sejumlah RM 150 000 secara terkumpul

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut.


- (a) Jelaskan trend perniagaan Alfa Alza Cosmetic. [3 markah]
- (b) Bagaimanakah Afida dan Azman mengatasi situasi di 10 (a). [3 markah]
- (c) Jelaskan kesan kepada perniagaan Alfa Alza Cosmetic sekiranya berita tersebut terus ditularkan melalui media sosial. [5 markah]
- (d) Terangkan aplikasi teknologi maklumat yang perlu disediakan untuk membantu perniagaan Alfa Alza Cosmetic. [5 markah]
- (e) Sekiranya anda dipertanggungjawabkan, agensi yang manakah menjadi pilihan. Kemukakan alasan. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT


Soalan No. 7

Lined area for writing the answer to Soalan No. 7.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or other markings on the paper.



This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or other markings on the paper.



Soalan No. 10

A series of horizontal lines for writing, consisting of 25 lines in total. The lines are evenly spaced and run across the width of the page.

